

PERLAKSANAAN PENDIDIKAN ABAD KE 21 DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH TS25 NEGERI KEDAH : SATU TINJAUAN

Shabibah binti Shaufit Affandi
shabibah@ipda.edu.my

IPG Kampus Darulaman

ABSTRAK

Professional Learning Communities (PLC) atau Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) yang merujuk kepada para pendidik yang komited dan bekerja secara kolaboratif serta berterusan dalam usaha membuat inkuiri atau kajian tindakan untuk mencapai prestasi yang lebih baik untuk kecemerlangan murid. Fokus PLC tertumpu kepada satu anjakan untuk membudayakan semula konsep pembelajaran dengan memberi peluang kepada komuniti sekolah bekerja secara berpasukan, mengutamakan perbincangan, pertambahan ilmu, pertukaran idea dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Kerangka amalan pengurusan ini kemudiannya diguna pakai secara berfokus dalam bidang pendidikan untuk memenuhi keperluan peningkatan profesionalisme keguruan dan kepentingan sekolah melalui pengamalan Jelajah Pembelajaran (*Learning Walks*), bukti pengamalan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas boleh dikumpul dan dijadikan contoh amalan yang terbaik. Perkongsian ini boleh dilaksanakan walaupun secara pemerhatian tidak formal yang boleh merentas mata pelajaran. Apa yang penting, pada akhirnya amalan ini akan menjurus kepada peningkatan profesionalisme keguruan di semua sekolah tanpa mengira subjek, kategori dan lokasi sekolah serta kategori murid. Bertepatan dengan itu satu kajian telah dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan Pendidikan Abad ke 21 (PAK 21). Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kaedah kualitatif secara pemerhatian untuk mengumpul data kajian. Seramai 6 orang guru pelbagai matapelajaran dari salah sebuah Sekolah Menengah TS25 di daerah Jitra telah dipilih sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru terhadap PAK 21 adalah tinggi dan positif. Walau bagaimanapun, terdapat juga kekeliruan semasa pelaksanaannya. Implikasi kajian ini ialah guru-guru Sekolah Menengan TS 25 ini mempunyai tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan yang tinggi terhadap PAK 21.

Kata kunci: *Kesediaan, Pengetahuan, Pengajaran Abad ke 21, Pemahaman*

1.0 PENGENALAN

Komuniti Pembelajaran Profesionalisme (KPP) adalah aktiviti yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang sepatutnya dilaksanakan di sekolah-sekolah masa kini. Menerusi Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan guru dan pemimpin sekolah (KPM, 2014). Perubahan dasar dalam pendidikan di Malaysia hari ini menjadikan kerjaya guru semakin mencabar dalam abad 21 ini. Sebagai nadi kepada semua pembaharuan dan

perubahan dalam pembangunan pendidikan berkualiti di Malaysia (KPM, 2013), guru sentiasa mencari pelbagai pendekatan baharu dalam pengajaran demi meningkatkan kualiti pendidikan. Guru memastikan hasil-hasil pembelajaran yang maksimum kepada murid di sekolah (Nuraini Abu Bakar dan Zanaton Iksan, 2015), guru lebih kreatif dan inovatif (Anuar, Siti Haishah dan Nur Atiqah, 2009; Rozita Radhiah dan Abd Rasid, 2012; Mohd Radzi, 2016) untuk memastikan sistem penyampaian menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat murid untuk belajar (Rohani, Hazri dan Nordin, 2010). Pemantapan latihan pembangunan profesionalisme guru membolehkan guru lebih kompeten dalam menjalankan tugas dan peranan mereka (BPG, 2013) kerana ini merupakan kaedah terbaik untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru seterusnya keberkesanan sekolah (Hussein Mahmood, 2008; Rusmini Ku Ahmad, 2005; Nor Hasnida Che Ghazali, 2010; Supovitz dan Turner, 2000).

Sehubungan dengan itu, Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) diperkenalkan oleh BPG dalam Pelan Pembangunan Profesionalisme berterusan mulai tahun 2013. Seterusnya KPP mewujudkan nilai-nilai pembelajaran yang mementingkan kolaboratif dalam kalangan guru, murid dan pengetua bagi menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran serta kesejahteraan semua warga sekolah (Dufour, 2010; Myers dan Simpson, 1998; Aziah et al., 2015). Di samping itu juga, amalan KPP ini dapat membentuk komuniti sekolah yang menjalinkan hubungan yang baik dengan persekitaran sama ada secara dalaman mahupun luaran bagi menyelesaikan permasalahan murid dan mewujudkan sekolah berkesan. Melalui KPP juga menjadikan guru belajar ilmu mengajar yang baharu dan memberi tambah nilai kepada corak pengajaran lama bagi menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan dan berkualiti (Mazlina@SitiAishah, 2016).

Sejajar dengan usaha itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 dengan mula mengetengahkan pendidikan abad ke-21 (PAK21) dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Indeks Prestasi Utama (KPI) bidang pendidikan ialah meluaskan capaian pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Selari dengan maksud itu, PAK21 adalah bertujuan untuk menyediakan PdPc yang mempunyai ciri-ciri kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi. Ciri-ciri tersebut menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), pengurusan kelas atau ruang pembelajaran yang lebih dinamik dan pengaplikasian teknologi dalam PdPc. Peranan para guru juga turut diberi keutamaan. Guru haruslah memiliki ciri-ciri yang berbeza dengan pendidikan masa lampau. Guru juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran tertentu bagi memudahkan mereka menghadapi cabaran PAK21.

Antara ciri-ciri yang perlu dikuasai ialah mahir dan berketerampilan dalam pedagogi, memahami perkembangan pelajar dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling, menggunakan teknologi terkini dan menguasai subjek. Rupa dan bentuk pendidikan yang bersesuaian dengan generasi abad ke-21 telah banyak diperkatakan. Rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah PdPc perlu berubah bersesuaian dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti “chalk and talk” semata-mata kurang berhasil dalam menarik minat pelajar. Guru sebaliknya memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan dengan perkembangan semasa. Namun, cabaran utama dalam melaksanakan PAK21 adalah kesediaan guru dalam mengaplikasikan kaedah ini, kesediaan pelajar dan kesediaan dari segi kemudahan sumber dan teknologi.

Oleh yang demikian, kajian ini akan meninjau aspek-aspek seperti kefahaman, pengetahuan dan kesediaan guru yang perlu diberi keutamaan dalam pelaksanaan PAK21

agar para guru dapat melaksanakan proses PdPc mereka selaras dengan kehendak dan hasrat kementerian.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengkaji pengetahuan, pemahaman serta kesediaan guru untuk melaksanakan Pendidikan Abad ke 21 di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru mengenai Pendidikan Abad ke 21.
2. Mengetahui tahap pemahaman guru mengenai Pendidikan Abad ke 21.
3. Mengetahui kesediaan guru melaksanakan Pendidikan Abad ke 21.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian sebagai instrumen pengumpulan data. Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif (Sitorus, MTF. 1998; Patton, M. Q. 1990; Moleong, L.J. 1989 dan Fraenkel, Jack R. & Wallen, Taylor, SJ & R Bogdan. 1984): Seramai 8 orang pemerhati yang terlibat semasa pemerhatian dibuat. Pemerhati –pemerhati ini telah mengajar lebih daripada 20 tahun dalam bidang pendidikan pelbagai mata pelajaran. Ini menerangkan bahawa pemerhati-pemerhati ini adalah mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan serta berkuasa dan berhak mengeluarkan perintah atau laporan. Pemerhatian dibuat terhadap kelas-kelas yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dari pukul 11.00 pagi sehingga pukul 01.30 petang. Sebelum itu telah diadakan sesi perbincangan bagi semua pemerhati-pemerhati tentang fokus utama yang akan dibuat semasa ‘Leaning Walks’. Borang-borang diberikan kepada semua pemerhati-pemerhati untuk diisi semasa proses pemerhatian. Pemerhatian dibuat selama 10 hingga 15 minit bagi setiap kelas. Kemudian perbincangan diluar koridor dibuat mengenai dapatan bagi kelas yang dilihat serta dicatatkan dapatan tersebut kemudian pemerhati – pemerhati beredar ke kelas yang seterusnya sehinggalah tamat waktu persekolahan. Seramai 6 orang guru yang terlibat semasa ‘Leaning Walks’ ini yang terdiri daripada guru pelbagai mata pelajaran. Guru-guru ini telah dimaklumkan tentang skop pemerhatian yang akan dibuat terhadap mereka sebulan sebelum pelaksanaan, pemerhatian yang dibuat meliputi tentang Pengajaran Abad ke 21 serta penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam penyediaan. Dalam kajian ini pengkaji hanya memberi tumpuan kepada Pengajaran Abad ke 21 sahaja.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian terhadap 6 orang guru yang telah diselia semasa ‘Leaning Walks’, kemudian dapatan daripada kajian tersebut dirumuskan seperti di bawah.

Guru A

Mengajar mata pelajaran Geografi Tingkatan 1 UPM.

Tajuk : Pergerakan muka bumi

Objektif : Membincangkan kesan pergerakan bumi

Guru telah mengadakan kaedah penerangan kemudian sesi bersoal jawab dengan murid-murid, selepas itu memberi latihan dalam bentuk maya. Murid-murid diminta berbincang berkongsi (*sharing*) dalam kumpulan tentang jawapan yang betul. Setiap wakil dari kumpulan diminta menulis jawapan di ruang yang telah disediakan (*cloze Procedures*) secara maya di papan putih yang ditayangkan kepada seluruh kelas.

Guru B

Mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu 1 UPM

Tajuk : Sistem pertukaran ‘*bater*’

Objektif : i. menjawab 5 soalan pemahaman
ii. menyatakan 6 maksud perkataan dengan merujuk kamus

Guru memberi penerangan kepada semua murid, kemudian bersoal jawab beberapa soalan mudah. Murid-murid diminta berbincang berkongsi (*sharing*) dalam kumpulan tentang jawapan yang betul mengikut soalan yang telah dipilih oleh wakil kumpulan berbentuk cabutan kertas. Setiap wakil kumpulan diminta menerangkan semula kepada rakan-rakan yang lain. Guru ini menggunakan kaedah *think pair share*.

Guru C

Mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam 1 UKM

Tajuk : Rukun Solat

Objektif : i. dapat menyenaraikan 4 rukun solat

Guru memberi penerangan kepada semua murid tentang isi kandungan pembelajaran Rukun Solat, kemudian guru membentuk kumpulan murid kepada lima kumpulan, setelah itu memberi peta i-think kepada mereka semua. Murid-murid membuat kerja secara sendirian tanpa berbincang dengan rakan-rakan yang lain, sedangkan mereka berada di dalam kumpulan yang telah diberikan. Kemudian meminta wakil kumpulan membentangkannya. Guru ini juga menggunakan kaedah *think pair share*.

Guru D

Mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni 1 UKM

Tajuk : Melukis

Objektif : i. dapat menggunakan garisan dalam karya lukisan dengan baik

Guru memberi penerangan kepada semua murid tentang apa yang dibuat pada hari itu. Semua murid diminta melihat objek yang telah disediakan di hadapan kelas, kemudian meminta semua murid mengeluarkan bahan-bahan untuk melukis.

Guru E

Mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam 2 UPSI

Tajuk : Tayammum

Objektif : menyebut maksud tayammum, rukun dan perkara yang membatalkannya.

Guru memberi penerangan kepada semua murid dalam kelas tentang tayamun, rukun dan perkara yang membatalkannya. Setelah itu guru mengadakan sesi soal jawab dengan beberapa orang murid. Kemudian guru meminta murid berbincang berkongsi (*sharing*) tentang soalan yang diberikan kepada setiap kumpulan. Soalan yang berlainan diberikan kepada setiap kumpulan untuk dibincangkan. Seterusnya meminta wakil kumpulan membentangkan hasil dapatan kumpulan mereka. Guru menggunakan kaedah *think pair share*.

Guru F

Mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris

Tajuk : Tips for getting a good sleep

Objektif : i. listen and understand a radio interview on a good night's sleep

Pada masa ni waktu pengajaran dan pembelajaran hampir tamat. Oleh itu guru hanya dapat bersoal jawab secara terbuka dengan murid-muridnya.

Dapatan menunjukkan bahawa guru-guru berpengetahuan, memahami serta bersedia menggunakan Pengajaran Abad ke 21 dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

5.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga perkara asas yang berkait dengan pelaksanaan PAK21 dalam proses PdPc. Tiga perkara asas ini melibatkan pengetahuan, pemahaman, dan kesediaan guru dalam melaksanakan dan mengamalkan PAK21.

5.1 Pengetahuan

Berdasarkan keputusan kajian ini dapat dirumuskan bahawa guru yang mengajar memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dalam PAK 21. Ini kerana mereka menunjukkan pengetahuan yang tinggi semasa sesi pengajar dan pembelajaran. Mereka juga mengetahui cara untuk melakukan 4C semasa pengajaran dan pembelajaran. 4C iaitu *communication* (komunikasi), *collaboration* (kolaboratif), *creativity* (kreativiti) dan *critical thinking* (pemikiran kritis) Ia bertepatan dengan kenyataan yang diutarakan oleh Wan Mohd Zaid (1993), bahawa para guru perlu lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran supaya relevan kepada keperluan generasi muda masa kini. Kajian daripada Hussin (2004) mendapati peningkatan pengetahuan guru boleh berlaku apabila guru didedahkan dengan isu-isu berkaitan melalui kursus, bengkel, seminar, persidangan dan forum berkaitan dengan PAK 21. Seterusnya dapat membantu menghasilkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global. Bengkel dan kursus yang dijalankan ini juga dapat meningkatkan tahap pengetahuan guru yang sedia ada supaya sentiasa kekal pada tahap yang tinggi dan mengubah sikap guru menjadi positif. Proses pengajaran guru yang cemerlang dan berkesan dapat melahirkan murid yang berkualiti untuk menerajui negara pada masa hadapan.

5.2 Pemahaman

Kesimpulan hasil kajian dari persoalan tahap kefahaman guru terhadap PAK 21, pada keseluruhannya adalah tinggi. Pelaksanaan penggunaan 4C dapat dilihat semasa pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan pemahaman yang sangat tinggi bagi kesemua guru ini. Sebagai contoh, guru ingin mewujudkan komunikasi dua hala dalam kalangan murid-muridnya melalui pembentangan mengenai tajuk yang diberi dan meminta murid-murid untuk berbincang di dalam kumpulan masing-masing sebelum memulakan pembentangan di hadapan kelas. Pada masa yang sama, guru juga perlu memainkan peranannya sebagai fasilitator kepada muridnya. Guru hendaklah memantau cara penyampaian murid-muridnya supaya pembentangan tersebut menjadi pembentangan yang berkesan serta dapat memberikan maklumat yang berkualiti kepada murid lain. Bagi pembangunan diri murid itu sendiri, guru boleh memberi komen yang membina dari segi penggunaan bahasa badan, nada suara, tulisan, cara bertanya kepada rakan-rakan lain, cara menjawab soalan yang diaju, cara memberi maklum balas jika rakan bertanya soalan yang tidak dijangka dan sebagainya. Oleh

yang demikian, murid-murid dapat membina keyakinan diri semasa berinteraksi bersama rakan-rakan lain kerana mereka mampu mendengar dan memberi maklum balas, mampu untuk memberi penerangan yang jelas dan ringkas, memahami kaedah-kaedah untuk menyampaikan maklumat dan juga mereka akan berasa lebih terbuka jika diminta untuk mengulas sebarang topik. Guru juga dapat wujudkan suasana kelas yang kolaboratif, maka, ia akan membawa kepada metakognitif, iaitu kesedaran murid-murid tentang perkara yang diketahui dan tidak diketahui semasa proses pembelajarannya. Melalui kolaborasi, guru boleh menerapkan beberapa nilai positif dalam diri murid itu sendiri, seperti bertanggungjawab terhadap tugas dalam kumpulan, penglibatan aktif atau seimbang, bersikap terbuka untuk menerima idea dan pandangan rakan-rakan lain serta mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan mereka. Jadi, guru adalah insan yang paling sesuai untuk melakukan sesuatu perkara dalam memancing emosi dan perhatian murid-muridnya. Melalui pemikiran kritis berlaku apabila murid-murid mula meneroka pemikiran mereka untuk menilai idea-idea yang diterima secara rasional dan membuat pertimbangan mengenai idea tersebut melalui penggunaan alasan-alasan yang wajar. Dalam kelas abad ke-21, guru boleh meminta muridnya untuk menghasilkan sesuatu produk yang unik, iaitu produk yang lain daripada produk sedia ada. Perkara ini amat bersesuaian dengan ciri-ciri kelas abad ke-21, iaitu pembelajaran berpusatkan murid. Walau bagaimanapun, murid-murid masih memerlukan bimbingan daripada seorang guru. Guru perlu menilai sama ada produk yang dihasilkan oleh murid adalah sebuah produk yang baru atau sedia ada, di samping meneliti keunikan dan keaslian produk itu sendiri. Komen-komen yang praktikal perlu diberi supaya murid dapat membuat penambahbaikan terhadap produk ciptaannya. Walau bagaimanapun bagi sesetengah guru yang kurang memahami PAK 21 akan diberikan latihan dan motivasi supaya memahami kemudiannya dan bersedia untuk mengajar dengan lebih berkesan dan bermakna kepada murid-murid kelak. Ini kerana guru merupakan kunci pemegang pelaksana dalam kejayaan pendidikan. Oleh itu menurut Rusman (2007) menyatakan kemampuan yang harus dimiliki oleh guru dalam melaksanakan PAK 21 meliputi (1) pemahaman dari tujuan yang ingin dicapai (2) kemampuan untuk menyusun tujuan menjadi lebih khusus (3) kemampuan untuk menterjemahkan tujuan khusus kepada tujuan pembelajaran yang dikehendaki semasa.

5.3 Kesediaan

Kesediaan merupakan perkara yang perlu ada pada diri seseorang guru. Berdasarkan keputusan kajian ini dapat dirumuskan bahawa guru yang mengajar memiliki tahap kesediaan yang tinggi dalam PAK 21. Semua guru menggunakan komunikasi dua hala. Mereka juga memberi peluang kepada pelajar dalam soal jawab dan juga semasa perbentangan. Dalam perbentangan dapat dilihat pelajar berkomunikasi sesama mereka dalam mengeluarkan idea yang kreatif serta menunjukkan pemikiran kritis. Ini kerana guru yang kompeten sentiasa menyiapkan diri dengan segala bentuk perubahan dalam pendidikan. Kesediaan guru dalam pelaksanaan PAK21 antara faktor penting dalam menghasilkan pendidikan yang bermutu dan berkualiti. Guru perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang pelbagai untuk mendepani cabaran PAK21. Guru perlu bersedia membentuk dan mengawal aktiviti kelas secara efisien. Guru juga perlu bersedia mewujudkan suasana komunikatif yang baik antara pelajar. Selain itu, guru perlu bersedia memahirkan diri menggunakan teknologi terkini (Melita & Katitia, 2015). Justeru, kesediaan guru terhadap PAK21 ini merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian memandangkan kesediaan para guru terhadap hal ini secara menyeluruh belum dapat dikenal pasti.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah memaparkan tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru terhadap PAK 21 adalah tinggi dan positif tetapi perlukan penambahbaikan lagi agar pelaksanaan PAK 21 dapat dipertingkatkan. Penerapan amalan KPP memerlukan komitmen semua pihak agar matlamat sekolah tercapai. Hasil dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi memartabatkan profesion keguruan dan memantapkan lagi pembangunan profesionalisme guru di sekolah. Selain daripada itu, dapatan ini juga dapat memberikan maklumat kepada pihak yang terlibat tentang latihan pembangunan profesional guru dan menjadi garis panduan pelaksanaan KPP di sekolah agar kualiti pengajaran guru dalam PAK 21 dapat ditingkatkan seterusnya prestasi pembelajaran murid meningkat.

RUJUKAN

- Anuar Ahmad, Siti Haishah & Nur Atiqah (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 53-66.
- Aziah Ismail, Loh Hooi Yen, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2015). Komuniti pembelajaran profesional dan efikasi sendiri guru sekolah menengah di Pulau Pinang. *Jurnal Kepemimpinan*, 2(1), 32-46.
- Bahagian Pendidikan Guru (2013). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Guru dan Pemimpin Sekolah* Kementerian Pendidikan Malaysia.
- DuFour, R. (2010). What is a professional learning community? *Educational Leadership*, 61(8), 6-11.
- Fraenkel, Jack R. & Wallen, Norman E. (1993). *How To design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, S. (2004). *Pedagogi Asas Pendidikan*. Edisi Pertama. Selangor: Kayazano Enterprise.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia .
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelan pembangunan profesionalisme berterusan guru dan pemimpin sekolah*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali & Effandi Zakaria. (2010). *Perkembangan profesional ke arah pembangunan modal insan guru*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nuraini Abu Bakar & Zanaton Iksan (2016). Perbandingan kelas terbuka dan sesi refleksi dalam pelaksanaan Lesson Study di antara Jepun dan Malaysia. *7Th International Seminar on Regional Education: November 5-7, 2015*.
- Mazlina@SitiAishah, D. (2016). Pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional untuk peningkatan kemahiran guru bahasa melayu mengajar penulisan karangan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 1-10.
- Melita, D., & Katitia, O. (2015). Teacher Education Preparation program for the 21 st Century . Which way forward for Kenya ?, *6(24)*, 57–64.
- Myers, C. B. & Simpson, D. (1998). *Re-Creating schools: Places where everyone learns and likes it*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Mohd Radzi Taib (2016). *Reka bentuk model kepimpinan ulul albab Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- Moleong, L.J. (1989). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

- Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 61-69
- Rozita Radhiah dan Abdul Rasid Jamian (2012). Amalan pengajaran karangan di dalam bilik darjah: Kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 51-68
- Rusman. (2007). *Manajemen kurikulum*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada
- Rusmini Ku Ahmad. (2005). Mengukur keberkesanan sekolah: Satu perspektif daripada kerangka konsep "The Balanced Scorecard". *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 15 (01), 63-79
- Sitorus, MTF. (1998). *Penelitian Kualitatif: Suatu Perkenalan*. Bogor: Dokis.
- Supovitz, J.A., Turner, H. M. (2000). The effects of professional development on science teaching practices and classroom culture. *Journal of Research in Science Teaching*, 37 (9), 963-980.